

Penyelidikan perubatan tradisional

► Rancangan PPKM bersama pelbagai agensi dan persatuan berkaitan

Oleh S. CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Persatuan Pendidikan Kesihatan Malaysia (PPKM) merancang untuk menjalankan penyelidikan mengenai perubatan tradisional dan komplementari.

Presidennya, Chung Kam Loon berkata usaha itu ingin dijalankan bersama pelbagai agensi dan persatuan berkaitan perubatan tradisional termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Katanya, penglibatan daripada pelbagai pihak itu adalah penting bagi mendapat kepakaran daripada pelbagai bidang.

"Usaha penyelidikan ini bertujuan untuk memajukan lagi industri perubatan tradisional supaya lebih berkesan dan sistematis."

"Kita memerlukan

"Penglibatan daripada pelbagai pihak itu adalah penting bagi mendapat kepakaran daripada pelbagai bidang. Usaha penyelidikan ini bertujuan untuk memajukan lagi industri perubatan tradisional supaya lebih berkesan dan sistematis. Kita memerlukan kajian terperinci mengenai perubatan tradisional supaya ia mampu menguatkan kepercayaan orang ramai bahawa ada pilihan lain selain menggunakan perubatan moden."

CHUNG KAM LOON
Presiden PPKM

kajian terperinci mengenai perubatan tradisional supaya ia mampu menguatkan kepercayaan orang ramai bahawa ada pilihan lain selain menggunakan perubatan moden.

"Sesungguhnya, amalan penjagaan kesihatan adalah amat penting demi kesejahteraan hidup dan mencegah adalah lebih baik daripada megawatinya," katanya kepada pemberita

pada sesi perbincangan mengenai kesihatan di Karamunsing, malam Rabu lalu.

Selain itu katanya, industri ini dilihat mampu dibangunkan, contohnya melalui penanaman herba yang berkaitan dengan ubat-ubatan tradisional bagi tujuan kesihatan dan komersil yang sekaligus menyumbang kepada pendapatan negarasekhiranya

diiktiraf.

"Mungkin usaha ini boleh dilakukan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sabah," katanya.

Dalam pada itu, Chung berkata pihaknya juga telah menghantar satu surat rasmi kepada Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Aman berkaitan dengan penggabungan seluruh persatuan perubatan tradisional dalam badan



CHUNG (belakang, berdiri dua kiri) merakamkan kenangan bersama pihak lain yang turut terlibat dalam perubatan tradisional dan komplementari.

bukan kerajaan (NGO), awam, syarikat dan agensi.

Turut hadir, Setiausaha PPKM, Joyce Yong dan

tetamu kehormat yang lain.

Bagi pihak yang ingin mendapatkan maklumat

lanjut atau menyertai usaha PPKM, sila hubungi Chung di talian 012-8330738 atau Joyce, 012-7917291.